

Dua Hati, Satu Impian: Kejayaan Redzuan dan Norwahyuni Tamatkan PhD Bersama di UPM

Oleh: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, 4 Disember – Kejayaan perjalanan pendidikan bagi pasangan suami isteri, Redzuan Mohammad Suffian James dan isterinya, Norwahyuni Mohd Yusof telah membuktikan kesungguhan mereka dalam mengejar ilmu apabila berjaya bergraduat pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM), ke-48 Sidang 2, hari ini.

Redzuan Mohammad Suffian, 34, berkata, beliau dan isterinya bermula sebagai rakan ketika menyambung pengajian peringkat diploma tidak menyangka

hubungan persahabatan mereka akan berkembang sehingga ke jinjang pelamin dan kini bersama-sama menamatkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD).

“Idea kami untuk menyambung pengajian bersama-sama timbul daripada minat mendalam terhadap ilmu dan kesedaran akan pentingnya pendidikan untuk mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik,” katanya.

Walaupun bidang pengkhususan Redzuan berbeza iaitu *Biopolymer, Pulp And Paper Technology* dan isterinya *Biocomposite Technology And Design*, namun mereka saling menyokong dan membantu dalam mencapai impian bersama untuk menggapai PhD.

“Minat kami terhadap pendidikan, ditambah dengan sokongan keluarga serta bimbingan penyelia yang sangat berdedikasi, menjadi pendorong utama kami. Pengalaman ini menjadi lebih bermakna apabila kami dapat berkonvo bersama-sama dari diploma hingga PhD,” katanya.



Namun, perjalanan ini dilalui penuh cabaran antaranya dari segi kewangan, beliau dan isterinya telah melakukan pelbagai pekerjaan untuk menampung kos pengajian.

“Sokongan emosi antara satu sama lain menjadi kekuatan utama apabila salah seorang rasa lemah, pasangan akan menjadi pendorong. Sokongan isteri saya adalah anugerah yang tidak ternilai,” katanya.

Bagi Norwahyuni, 32, pendidikan bukan sekadar keperluan tetapi satu pelaburan jangka panjang untuk masa depan.

“Kami percaya bahawa pendidikan tinggi mampu mengubah kehidupan menjadi lebih baik dan cemerlang dan selagi ada peluang, sambunglah pengajian dan tiada istilah rugi dalam menuntut ilmu,” katanya.

Beliau dan suaminya turut titipkan motivasi kepada generasi muda untuk terus mengejar ilmu.